

15 MAR 1997

UPM-konsortium

UPM DIPILIH MENJADI ANGGOTA "HIGH PERFORMERS"

SERDANG, 16 Mac (Bernama) -- Universiti Pertanian Malaysia (UPM) telah dipilih bersama 14 universiti-universiti utama dunia yang lain menganggotai satu konsortium rangkaian teknologi maklumat global yang dipanggil "High Performers" anjuran Sun Microsystem, Amerika Syarikat.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Syed Jalaludin Syed Salim berkata dengan menjadi anggota konsortium itu UPM akan dihubungkan ke peringkat global melalui rangkaian komputer tercanggih dan sekali gus menggalakkan Koridor Raya Multimedia kerajaan.

Antara universiti-universiti utama dunia yang menganggotai konsortium itu ialah Institut Teknologi Massachusetts (MIT); Universiti Illinois, Chicago; Universiti Syracuse, New York; Universiti Illinois Urbana-Champaign; Universiti Tennessee; dan Universiti Tokyo.

"UPM sekarang merupakan kampus utama di Malaysia dan juga Asia Tenggara dari segi komponen teknologi maklumat selain dari segi kepelbagaian fungsi dan sebagai universiti serbaguna," katanya kepada pemberita.

Dr Syed Jalaludin berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kerjasama antara UPM dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) Bhd menubuhkan Pusat Inkubasi UPM-MTDC bagi membantu pelaksanaan Koridor Raya Multimedia.

Pusat itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 13 April ini terletak di kawasan seluas 0.48ha dan buat permulaannya akan menempatkan 13 syarikat multimedia tempatan termasuk satu akademi.

Katanya tenaga pengajar dan pelajar UPM kini sedang memperluaskan komponen multimediana seperti makmal, peralatan berteknologi tinggi dan produk perisian.

"UPM, melalui rangkaian itu, akan dapat berkongsi dengan universiti-universiti lain dalam membuat penyelidikan-penyelidikan penting atau kumpulan kerja.

"Ia akan memberi peluang yang luas kepada pelajar dan kakitangan membuat penyelidikan dalam bidang seperti teknologi angkasa lepas, kejuruteraan dan rekabentuk yang memerlukan rangkaian pengkomputeran yang besar," katanya.

Faedah yang lain yang diperolehi dengan menganggotai konsortium ini termasuk latihan dalam teknologi maklumat selama empat bulan untuk 20 kakitangan UPM di Sun Microsystem.

Dr Syed Jalaludin berkata UPM beruntung kerana lokasinya bertempat dalam kawasan MSC dan ini akan membolehkan ia memainkan peranan mengadakan asas intelek teknologi maklumat.

"UPM tidak boleh menceburi bidang-bidang lain seperti pembuatan tetapi dapat berbuat demikian dalam industri teknologi maklumat dan telah melakukannya sejak dua tahun lepas sebelum MSC diumumkan lagi," katanya.

Beliau berkata untuk menyokong MSC sepenuhnya, UPM perlu mengambil tugas-tugas baru dengan bekerjasama lebih rapat dengan kerajaan dan juga swasta melalui Pusat Inkubasi UPM-MTDC.

Dr Syed Jalaludin juga berkata UPM perlu lebih kreatif dan inovatif memainkan peranannya sebagai pusat multimedia dalam lingkungan MSC.

"UPM juga perlu membuat perubahan-perubahan dalaman dan transformasi dan mewujudkan persekitaran kerja yang baru," katanya.

-- BERNAMA

HS WAT

